



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

ASEAN TVET FRIENDLY MATCH 2025 INDUSTRI PEMBINAAN JULUNG-JULUNG KALINYA DI ADAKAN DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR – Timbalan Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat Datuk Seri Ahmad Maslan hari ini telah merasmikan *ASEAN TVET FRIENDLY MATCH 2025* yang berlangsung di Pusat Konvensyen CIDB, Kuala Lumpur. Pertandingan ini yang julung-julung kali diadakan di Malaysia terutama dalam bidang pembinaan merupakan pertandingan peringkat ASEAN yang turut melibatkan rakan strategik sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuhkan kerjasama dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

2. ASEAN TVET Friendly Match 2025 dianjurkan bersempena Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025 bertujuan memupuk ekosistem TVET yang mampan dan inklusif melalui pendedahan peserta kepada Piawaian Pekerjaan WorldSkills (WSOS). Pertandingan ini juga berfungsi sebagai simulasi kepada acara WorldSkills ASEAN ke-14 yang akan diadakan di Manila dan WorldSkills Asia ke-3 di Taipei.

3. Penganjuran ini adalah hasil kerjasama strategik antara Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang menyaksikan penyertaan 40 peserta belia dari 12 negara ASEAN dalam 9 bidang kemahiran utama seperti kerja bata, pendawaian elektrik, pembuatan kabinet dan kejuruteraan CAD.

4. Malaysia sebagai negara tuan rumah akan diwakili oleh 20 peserta muda berkemahiran tinggi daripada institusi TVET seperti Kolej Vokasional, ILP, Kolej Komuniti dan Akademi Binaan Malaysia. Antaranya ialah Misto Mikin (Kerja Bata), Muhammad Haziq Bin Lailla Zamri (Pendawaian Elektrik), serta Khairul Idham Bin Bahari dan Mohamad Ikbil Bin Maznan (Pertukangan Kabinet).

5. Pertandingan ini berlangsung dari 24 hingga 26 Jun 2025 di empat lokasi utama:

- ABM Wilayah Tengah – Kerja Bata, Pendawaian Elektrik, Paip & Pemanasan, Penyjukan & Penyaman Udara
- Pusat Latihan FITEC – Pertukangan Kayu dan Pembuatan Kabinet
- CIDB Technologies – Kimpalan

- Pusat MYBIM – Pembinaan Digital dan Kejuruteraan CAD Mekanikal

6. Sehubungan dengan itu juga, Malaysia telah melakar sejarah sebagai negara ASEAN pertama yang menyelaraskan sistem pengakreditasi TVET di peringkat serantau, selaras dengan usaha memperkukuh ekosistem kemahiran TVET yang diiktiraf bersama yang berorientasikan industri. Penyelarasan ini seiring dengan peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025, bertemakan "Inklusiviti dan Kelestarian", iaitu kali kelima Malaysia menerajui kepimpinan serantau selepas tahun 1977, 1997, 2005 dan 2015.

7. KKR turut menyeru semua agensi dan rakan strategik untuk terus memperkukuhkan kerjasama dalam memperkasa TVET sebagai pemacu kemajuan ekonomi negara dan pembangunan modal insan yang berkemahiran tinggi, berilmu dan berdaya-saing. Pendekatan ini sejajar dengan prinsip MADANI DAYACIPTA, yang menekankan penciptaan nilai melalui inovasi, daya saing, dan pembangunan berterusan dalam ekosistem pendidikan kemahiran negara.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
23 JUN 2025

#KearahKesejahteraanRakyat
#ASEANTVET2025
#TVETuntukMasaDepan
#KerajaanMADANI
#JasaKepadaRakyat
#MYJALAN